

Penduduk Langkawi di nasihat bersikap

lebih mesra

UM 6 APR 200

LANGKAWI 5 April — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan penduduk Langkawi supaya bersikap lebih mesra terhadap para pelancong kerana ia penting ke arah menjadikan pulau bebas cukai itu destinasi pelancongan istimewa dunia.

Perdana Menteri berkata, sikap mesra pelancong atau layanan baik yang ditunjukkan oleh rakyat tempatan akan menggalakkan lagi kedatangan lebih ramai orang luar ke pulau legenda tersebut.

Apabila pengunjung bertambah ramai, katanya, ia secara tidak langsung turut memberi peluang menambahkan pendapatan penduduk dan sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

“Kita mahu Langkawi jadi pulau istimewa sesuai dengan kedudukannya sebagai pulau bebas cukai.

“Barang-barang yang dijual di sini murah, sebab itu penduduk Langkawi perlu tunjukkan budi bahasa yang baik, senyum selalu,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian pusat membeli-belah bebas cukai SkyMall di sini, hari ini.

Bagaimanapun jelas beliau, penambahan pelancong itu harus diselaras-kan dengan perancangan

dalam penyediaan prasarana yang menarik kerana tanpanya pelancong tidak akan menikmati kepuasan maksimum apabila melancong ke Langkawi.

Menurut Perdana Menteri lagi, sebagai sebuah negara yang mengamalkan pertumbuhan ekonomi berdasarkan permintaan, adalah menjadi hasrat utama kerajaan menyediakan produk yang dilihat mam-

pu memberi pulangan menguntungkan.

“Pelancongan yang merupakan antara sektor penyumbang terbesar ekonomi negara perlu dimajukan sebaik mungkin agar tempat-tempat men&k yang disediakan akan terus menjadi daya penarik pelancong daripada pelbagai negara, katanya.

Sambil menegaskan kepentingan disediakan ke-

mudahan terlebih dahulu sebelum wujudnya permintaan, Dr. Mahathir berkata, projek kereta kabel di Gunung Matchincang dan pusat mar-in di Pantai Kok, adalah antara usaha yang dilakukan untuk tujuan tersebut.

“Bukan sebab tiada permintaan (maka tidak perlu dibangunkan), tetapi kita sediakan kemudahan dulu selepas itu baru panggil

orang datang atau tarik pelancong daripada luar,” ujar Perdana Menteri.

Sementara itu, Dr. Mahathir turut berharap pusat membeli belah bebas cukai SkyMall yang terletak di terminal lapangan terbang Langkawi akan menjadi lebih maju selain menjadi ‘payung’ kepada peniaga-peniaga Melayu dalam memasarkan barangan mereka.